

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATO' AR. WAN MOHAMMAD**  
**KHAIR-IL ANUAR BIN WAN AHMAD**  
**[ KUALA KANGSAR ]**  
**TARIKH : 11.03.2014 (SELASA)**

**DATO' AR. WAN MOHAMMAD KHAIR-IL ANUAR BIN WAN AHMAD**  
**[ KUALA KANGSAR ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM**  
**NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan apakah  
teras utama usaha Kementerian di dalam memantapkan lagi peranan  
koperasi di dalam menambah pendapatan ahli-ahlinya serta  
mengurangkan kes-kes salah laku pengurusan koperasi.

## **JAWAPAN :**

**Tuan Yang Dipertua,**

Kementerian melalui Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Suruhanjaya) sentiasa berusaha untuk memantapkan lagi peranan koperasi dan menambah pendapatan anggota-anggotanya. Ke arah itu, Suruhanjaya telah dan sedang berusaha menggiatkan penglibatan koperasi dalam sektor ekonomi bernilai tinggi seperti yang digariskan dalam Dasar Koperasi Negara (DKN) 2011-2020. DKN memberi penekanan kepada penglibatan koperasi dalam pelbagai *Entry Point Project* (EPP) mengikut enam (6) bidang/sektor ekonomi iaitu:

- i. Perkhidmatan Kewangan;
- ii. Pemborongan dan Peruncitan;
- iii. Pelancongan, Penjagaan Diri dan Kesihatan;
- iv. Pertanian dan Industri Asas Tani;
- v. Perladangan; dan
- vi. Pembangunan Hartanah.

Dalam masa yang sama, Suruhanjaya juga menganjurkan pelbagai program strategik untuk meningkatkan pendapatan anggota koperasi seperti mengadakan *business matching* dengan koperasi lain atau syarikat di bawah program *mentor-mentee* dan jaringan perniagaan.

Kementerian melalui Suruhanjaya telah berusaha mengurangkan kes-kes salah laku pengurusan koperasi melalui strategi pengawalseliaan yang berkesan dengan menjalankan Pemeriksaan Usaha Wajar (*Due Diligence Examination – DDE*). DDE merupakan satu pemeriksaan

terhadap pengurusan dan pentadbiran koperasi secara berkala yang bertujuan memantau dan membincangkan masalah koperasi berasaskan kaedah FLAME-T (*Finance, Liquidity, Asset, Management, Earning, ICT*) dan PRISKOP (Penyeliaan Koperasi Berasaskan Risiko – *Risk-Based Supervision*).

Bagi memantapkan lagi kerangka pengawalseliaan, semakan terhadap Akta Koperasi 1993 (Akta) dan Peraturan-Peraturan Koperasi 1995 telah dilaksanakan. Di samping itu, Suruhanjaya telah menggubal beberapa Garis Panduan (GP) bagi memantapkan lagi perundangan koperasi dan seterusnya mengurangkan kes-kes salah laku pengurusan koperasi. Bagi kes-kes tertentu yang melibatkan salah laku dalam koperasi, Suruhanjaya telah membuat pemeriksaan, penyiasatan dan pendakwaan berdasarkan peruntukan undang-undang di dalam Akta tersebut. Sementara itu, kes-kes aduan dan pertikaian oleh koperasi, anggota koperasi dan pihak-pihak yang terkilan dirujuk kepada Tribunal Koperasi untuk diselesaikan.

Selain itu, pelaksanaan program pembudayaan, pendidikan, kesedaran terhadap tadbir urus yang baik, integriti, etika dan nilai-nilai yang baik kepada pengurusan koperasi terus dilaksanakan. Antara program-program yang dijalankan termasuklah seminar, taklimat, kursus, simposium, konvensyen dan sebagainya.